

Istimewa dan memuaskan, kata BERJASA

IPOH, Sabtu — Berjasa Perak menyokong penuh belanjawan negara yang diumumkan oleh kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sambil mengalukan belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Tengku

Razaleigh Hamzah, semalam. Persuruhjaya Berjasa negeri, Ustaz Osman Bakar, mensifatkannya sebagai istimewa dan memuaskan.

Beliau menyeru rakyat, terutama yang berpendapatan rendah menerimanya dengan hati terbuka dan jangan ragu-ragu atas keupayaan kerajaan mengatasi masalah yang sedang dihadapi negara.

"Kami begitu gembira kerana belanjawan itu bukan sahaja melegakan rakyat miskin, tetapi akan mengukuhkan lagi ekonomi negara.

"Ia juga akan menjamin kestabilan politik tanahair yang sentiasa diharapkan kedamaian dan kesejahteraan," tambah Ustaz Osman.

Golongan miskin, terutama petani dan nelayan, menurut beliau, haruslah lega dengan peruntukan \$1,327 juta dalam belanjawan tahun depan. Berbagai subsidi disediakan.

Mengenai pemansuhan dan pengurangan cukai 150 jenis barang, beliau berkata, ia adalah wajar dan sesuai dengan keadaan rakyat di zaman serba moden ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia